

# KENYATAAN MEDIA

**KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MENGENAI  
TINDAKAN SUSULAN DAN PENAMBAHBAIKAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2013 (SIRI 2)**

1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (LKAN 2013) Siri 2 telah melaporkan hasil siasatan audit terhadap satu projek Kementerian Kerja Raya (KKR), iaitu **Projek Menaik Taraf Jalan Dari Pohon Batu (Simpang Tamu) Ke Pancur Hitam, Wilayah Persekutuan Labuan**.
2. Kontrak asal bagi projek di atas telah bermula pada bulan Disember 2006 dengan harga kontrak RM52.8 juta. Skop projek adalah untuk menaiktaraf jalan sediaada sepanjang 6.6km ke tahap *dual-carriageway* 4 lorong. Namun, akibat kenaikan harga bahan binaan yang mendadak pada tahun-tahun 2007 dan 2008, terutama sekali bagi harga besi tetulang (*reinforcement steel*), bahan api *diesel*, simen dan bitumin, kontrak tersebut telah ditamatkan pada bulan Oktober 2008 secara Persetujuan Bersama seperti yang dibenarkan di bawah Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008 bertajuk "Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga Di Dalam Kontrak Kerja".
3. Selanjutnya, projek ini telah ditender-semula pada bulan April 2010 dan disiapkan pada bulan Mei 2013 melalui kontrak penyiap bernilai RM43.46 juta. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan projek yang terhad, skop kerja untuk menaiktarafkan jalan ini terpaksa dikurangkan kepada 4.2km akibat kenaikan harga bahan binaan yang disebutkan di atas. Oleh yang demikian, kos keseluruhan projek ini, termasuk perbelanjaan RM12.98 juta bagi kontrak asal, berjumlah RM56.44 juta, iaitu melebihi harga kontrak asal.
4. Setelah projek ini di-audit, Jabatan Audit Negara telah membuat 6 syor penambahbaikan yang melibatkan 4 teguran mengenai kelemahan pentadbiran kontrak, 1 teguran mengenai kelemahan pemantauan kualiti kerja kontraktor dan 1 teguran mengenai kelemahan tatacara perakaunan. Kementerian ini telahpun mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan berdasarkan syor-syor Audit tersebut.

**Kementerian Kerja Raya  
3 Julai 2014**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |

[Kementerian Kerja Raya](#) | [@MOWorks](#) |

[Pro@kkr.gov.my](mailto:Pro@kkr.gov.my)